

09 APR 1997

Mahathir-Lawatan

DR MAHATHIR AKHIRI LAWATAN KE BAHRAIN DENGAN KEJAYANAAN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

MANAMA, 9 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamatkan lawatannya ke Bahrain dengan kejayaan apabila kedua-dua negara bersetuju mengambil langkah-langkah meningkatkan hubungan melalui kerjasama udara dan penubuhan satu suruhanjaya mengenalpasti bidang-bidang kerjasama.

Beliau berkata kedua-dua pihak juga bersetuju terhadap keperluan mengadakan perjanjian perdagangan seperti mengelak cukai berganda dan perlindungan pelaburan pada masa depan.

Penubuhan suruhanjaya itu penting kerana ia merupakan cara bagi para pegawai dan menteri mengadakan pertemuan dari semasa ke semasa dan membincangkan langkah-langkah memperbaiki perdagangan atau mengenalpasti masalah yang menghalangnya, katanya pada persidangan berita pada akhir lawatan tiga harinya. Sebelum ini beliau melawat Kuwait selama tiga hari.

Lawatan Dr Mahathir ke kedua-dua negara Teluk itu merupakan sebahagian daripada usahanya meningkatkan perdagangan dua hala dan membantu membuka lebih banyak peluang pasaran untuk ahli-ahli perniagaan Malaysia di sebelah sini yang sebelum ini agak lembab.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan Kuwait ialah sebanyak US\$107.68 juta tahun lepas sementara dengan Bahrain sebanyak US\$39.88 juta yang dianggap kecil memandangkan Bahrain merupakan pengimport besar pelbagai barangan, daripada makanan hinggalah kepada jentera. (US\$1=RM2.50)

Dr Mahathir berkata menteri ekonomi kedua-dua negara boleh menganggotai suruhanjaya itu bersama dengan wakil-wakil sektor swasta.

Keputusan untuk menubuhkan suruhanjaya itu dicapai antara Dr Mahathir dengan Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa Salman Al-Khalifa semasa perbincangan dua hala di Istana Shaikh Hamad di sini semalam.

Dr Mahathir berkata pertemuannya dengan Shaikh Khalifa telah memberikan mereka peluang menyedari akan perlunya bagi kedua-dua negara mengenali lebih dekat antara satu sama lain dan saling membantu dalam membangunkan ekonomi masing-masing.

"Saya percaya hubungan dengan Bahrain akan pastinya bertambah baik," katanya dan menegaskan bahawa sektor swasta harus turut memainkan peranan mengadakan mesyuarat dan perbincangan serta mengenalpasti bidang-bidang yang mereka boleh saling membantu.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tiada rancangan untuk membuka kedutaan di sini kerana Duta Malaysia ke Kuwait, Datuk Zulkifli Abdul Rahman turut ditauliahkan ke Bahrain.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata Malaysia berhasrat membuka konsul kehormat di sini jika ia diterima oleh kerajaan Bahrain dan ini akhirnya akan membawa kepada pembukaan sebuah kedutaan di sini pada masa depan.

Dr Mahathir berkata Malaysia berharap kerajaan Bahrain sama ada akan membuka kedutaan di Kuala Lumpur ataupun mentauliahkan mana-mana dutanya di Timur Jauh ke ibu neagra Malaysia. Bahrain tidak diwakili di Kuala Lumpur buat masa ini.

"Malaysia tiada rancangan untuk menempatkan pesuruhjaya dagangan di sini tetapi sedang memikirkan dengan serius mengenainya atau melantik seorang konsul kehormat atau mengadakan satu bentuk perwakilan di Bahrain," katanya sambil menjelaskan bahawa Malaysia menyedari akan perlunya diwakili di gugusan yang mempunyai lebih 33 pulau ini, yang kini kian menjadi pusat kewangan luar pesisir yang penting.

Mengenai hubungan udara, beliau berkata kedua-dua pihak telah menegaskan akan perlunya komunikasi yang lebih baik melalui hubungan antara

kedua-dua syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan perdagangan.

Buat masa ini Penerbangan Malaysia (MAS) tidak mengadakan perkhidmatan di ibu negara pulau ini sementara penerbangan negara Bahrain, Gulf Air, baru-baru ini telah memulakan perkhidmatan penerbangan terusnya ke Kuala Lumpur. -- BERNAMA

ARA RON